UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

# Pengurusan Integriti

## Integriti, Rasuah dan Keselamatan

Oleh
Haslida Hassan
Ketua Unit Integriti

# Kandungan Sesi

**1. INTEGRITI**

➔ Pengenalan kepada  konsep integriti

**2. RASUAH**

➔ Pengertian rasuah

➔ Contoh-contoh rasuah

**3. KESELAMATAN**

➔ Maksud keselamatan dokumen dan dokumen terperingkat

# INTEGRITI ……APA DIA???

A ….. dil
Pa ….. da
DI ….. ri
A ….. nda



# Apa Itu INTEGRITI

Nilai, Prinsip dan Akauntabiliti –

etika, moral, maruah, sifat benar,jujur, tulus, sempurna, utuh, sifat tanggungjawab terhadap seseorang atau sesuatu serta sedia memberikan penjelasan dan kewajaran yang diperlukan



# INTEGRITI

**Perkataan "integrity" dalam bahasa Inggeris, berasal daripada bahasa Latin 'integer' yang bermaksud menyeluruh yang tidak boleh dipecahkan**

"INTEGRITAS"

'tidak terjejas *(unaffected)*, kukuh *(intact)*, benar *(upright)*, boleh diharapkan *(reliable)*

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

# Apa isunya?






# Apa isunya?








"……Do not do to others what you do not want to be done to you….."
An old wise man


"Integrity is doing the right thing, even when no one is watching."
C.S. Lewis

**"Ethics is about following the rules, and integrity is about doing the right thing, regardless of the rules."**

What is Ethics ?

What is Integrity ?



Etika –kod perlakuan dan nilai murni yang dijadikan landasan dalam perbuatan juga mengenai pematuhan terhadap peraturan sedia ada.

Integriti adalah tentang melakukan perkara yang betul, tanpa mengira peraturan/harap ganjaran.

# Kepentingan Integriti




"… a noble character is just as important as having an efficient and effective management…"
dreamstime.com

Kurang pengetahuan boleh diatasi dengan belajar;

Kurang kecekapan boleh diatasi dengan latihan dan pengalaman;

TETAPI kurang kejujuran, susah untuk dicari penyelesaiannya

1 Niat yang betul

2 Perlakuan yang baik

3 Penggerak ke arah kebaikan

4 Memperkotakan apa yang dikatakan



5 Beradab

6 Kekitaan, Kesetiaan, Syura dan Muafakat

# Prinsip Etika Kerja dan Nilai-Nilai Murni

# Prinsip Etika Kerja dan Nilai-Nilai Murni

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

## Nilai-Nilai Murni

1. Amanah
2. Adil
3. Benar dan Telus
4. Bijaksana
5. Bersyukur dan Bersabar
6. Cekap, Cepat dan Tepat
7. Ikhlas

# Prinsip Etika Kerja dan Nilai-Nilai Murni



## ….. Nilai-Nilai Murni

8 Penyayang

9 Berdisiplin

10 Bersih

11 Bertanggungjawab

12 Berdedikasi

Garis Panduan Integriti Akademik Institusi PengajianTinggi IPTA 2010

# GARIS PANDUAN INTEGRITI AKADEMIK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA



6 NILAI

Amanah

Bijaksana

Akauntabiliti

Hormat

Telus Adil

6 Domain Utama

1. Pengajaran dan Pembelajaran
2. Penyelidikan dan Pengkomersilan
3. Penerbitan
4. Perundingan
5. Khidmat Masyarakat
6. Pentadbiran



# IHSAN

**Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a: Pada suatu hari ketika Nabi Muhammad s.a.w bersama para sahabatnya, datang sesorang bertanya apakah iman, islam dan ihsan? Rasulullah menjawab "Beribadah (nerujuk kepada setiap amal perbuatan yang baik) kepada Allah seakan – akan engkau melihat-Nya dan seandainya engkau tidak boleh mencapai keadaan itu, engkau harus yakin bahawa Dia melihatMu"**

# IHSAN - memayungi 4 nilai utama UPM




**"Taman Ilmu dan Pemikiran"**

## (ejayaan membanteras rasuah memerlukan sokongan raky

# Integriti adalah soal hati

### MUKADIMAH

SOAL selidik sebuah agensi penyelidikan bebas baru-baru ini mendedahkan realiti sikap sebahagian besar daripada kita terhadap rasuah, dan realiti itu agak mengecewakan. Hasil soal selidik itu merumuskan bahawa rakyat Malaysia umumnya memahami keseriusan jenayah rasuah yang sedang diperangi habis-habisan oleh kerajaan.

Tetapi rumusan itu juga menunjukkan betapa kita tahu rasuah itu satu kesalahan tetapi sedikit yang bersedia tampil melaporkannya. Kita juga tahu ia salah tetapi masih rela menghulur duit kopi kepada pegawai penguat kuasa kalau ditahan melakukan kesalahan di jalan raya.

Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Dr. Sulaiman Mahbob melihat sikap yang tercermin daripada soal selidik itu sebagai satu pertembungan antara prinsip dan etika.

"Prinsip itu kepercayaan diri dan etika amalannya. Kedua-duanya harus wujud selari dan konsisten," katanya kepada wartawan NOOR AZAM SHAIRI, dalam satu pertemuan di pejabatnya, petang Jumaat lalu.

IIM ialah sebuah badan yang ditubuhkan oleh kerajaan yang memantau pelaksanaan Pelan Integriti Nasional, cita-cita negara mahu melahirkan bangsa Malaysia yang berintegriti dan menghayati nilai-nilai murni.

Dalam wawancara ini, Sulaiman memberikan pandangannya mengenai usaha-usaha membanteras rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dan mengaitkannya dengan integriti yang cuba dipupuk dalam hati nurani rakyat.

"Kita harus ada perasaan bahawa sogokan walaupun hanya melibatkan jumlah wang yang kecil, ia tetap rasuah. Rasuah yang kecil itu hanya permulaan," katanya.

Sulaiman juga membincangkan dengan panjang lebar makna integriti dan pengamatannya terhadap tahap integriti di kalangan masyarakat yang negaranya sudah merdeka 48 tahun ini.



**INGGUAN: Apa pandangan Datuk laporan yang menunjukkan ma- walaupun tidak bersetuju dengan tetapi dalam keadaan tertentu melakukannya juga?**

**MAN:** Ini menunjukkan bahawa kita rasuah apabila berhadapan dengan boleh menimbulkan rasuah.

a kalau kita mahukan sesuatu kelu- pada jabatan kerajaan dengan cepat, usan itu memakan masa enam atau n sedangkan kita terdesak mahu ce- yang ditahan kerana kesalahan jalan misalnya sanggup menghulur RM50 ke mahkamah dan membayar denda

lah tidak peduli lagi dari segi prinsip. engaruh dan terjebak untuk rasuah. k kepada diri sendiri; kita harus ber- ada diri sendiri. Kalau kita tidak setu- rasuah, kita jangan beri rasuah.

da masalah dengan kelulusan yang bawa masalah itu sampai ke pering- . Kita mesti cuba mengatasinya, dan kali-kali tunduk melakukan rasuah.

soal penguatkuasaan begitu juga, ja- r rasuah. Kalau beri rasuah, kita se- menggalakkan penguat kuasa menye- alau terpaksa disaman ke mahkamah h boleh meminta dendanya diku-

angkalnya terpulang kepada diri kita. a bayar saman, kita bayar saman.

prinsip. Kenapa agaknya orang

hatnya sebagai satu dosa dan tida nakan tindakan undang-undang.

Kedua, mungkin kerana faktor yang rendah. Kita mesti sensitif hidup di bandar besar sara hidupn gi. Kerajaan sedar dan itu sebabny rikan elaun kos sara hidup.

Ketiga, mungkin juga kerana p nya terlalu besar, hidup lebih besa pada periuk. Dalam hal ini apa y ialah merancang perbelanjaan deng

Itu dari sudut pekerja. Kepada n ia harus melihat soal pendapatan. K patannya kurang, mereka akan m sampingan dan ini tentunya menje kapan dan produktiviti di tempat k

Saya melihat usaha membantera adalah satu perkara yang perlu dita menyeluruh.

**Tetapi soalnya bolehkah int dipertingkatkan membanteras r**

**SULAIMAN:** Saya percaya bol tidaknya separuh daripada gejal dihapuskan. Ini kerana integriti soal diri sendiri – disiplin, budi pek ruah diri.

Kalau kita sendiri jijik kepada r integriti kita begitu, kita tidak aka ngan rasuah. Kalau suatu hari kit kap dengan jebak rasuah, kita aka tang bahaya dan dosanya.

Kita jangan lupa bahawa orang y ma rasuah ini akan terhutang b orang yang memberi. Tidurnya pun sentiasa berjaga-jaga takut diburu o undang


apabila integriti diamalkan secara konsisten
hati
minda
jasad
bersih
tindakan @ perbuatan bersih

Fun
Mansion.com

# Integriti Pegawai Akademik



-Integriti warga pendidik perlu senantiasa dipertingkatkan supaya mereka boleh menjadi role-model kepada pelajar.

-Peribahasa ada menyebut, “Guru kencing berdiri, murid kencing berlari.”



# Jika tidak, akibatnya:




Kegagalan Pendidik memberi Kesan Yang Besar. Kegagalan Seorang Doktor Merawat akan hanya memberi kesan kepada seorang pesakit. **Kegagalan Pendidik Mendidik akan melibatkan Satu Generasi dan Generasi yang berikutnya.**


M VALLEY




**YM Raja Nazrin** (now DYMM Sultan Nazrin)...

> **"...sekiranya ada penyelewangan (di dalam pusat pengajian tinggi) ia perlu ditangani secara tegas serta pantas dan mereka yang melakukan kesalahan tidak seharusnya dilindungi. Perbuatan menggadai nama baik universiti adalah sangat tidak bertanggungjawab dan universiti tidak seharusnya berkompromi dalam mempertahankan integriti, reputasi dan nama baiknya..."**

**Integriti Institusi Pengajian Tinggi**
**13 Ogos 2010**

RASUAH

# Pensyarah wanita menangis rayu tidak dipenjarakan

Pasangan suami isteri dituduh terima imbuhan kes kontrak RM34,250.25

Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my

Alor Setar

Seorang pensyarah wanita menangis teresak-esak ketika merayu tidak dikenakan hukuman penjara selepas mengaku salah terhadap pertuduhan rasuah membabitkan kontrak pembekalan alat ganti kelengkapan elektrik bernilai RM34,250.25.

Afizah Md Yusoff, 36, yang didakwa bersama suaminya, Mohamad Redzuan Hussain, 39, di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, pada mulanya cuba menahan sebak sebelum teresak-esak ketika Hakim Zanol Rashid Hussain mengingatkan mereka mengenai hukuman berat yang menunggu, termasuk penjara sehingga 20 tahun.

"Saya merayu tidak dihukum penjara kerana empat anak masih kecil, anak bongsu juga masih menyusu. Selain itu, saya turut menjaga ibu bapa serta ibu mentua yang tinggal bersama"

*Afizah Md Yusoff,*
*Tertuduh*

### Rayu tidak dipenjara

"Saya merayu tidak dihukum penjara kerana empat anak masih kecil, anak bongsu juga masih menyusu. Selain itu, saya turut menjaga ibu bapa serta ibu mentua yang tinggal bersama," kata Afizah dalam rayuannya.

Pasangan itu, kedua-duanya bekas pensyarah di Kolej Komuniti Padang Terap dekat sini, mengaku salah menggunakan kedudukan masing-masing secara berasingan di tempat kerja mereka pada Jun 2012 untuk mendapatkan suapan projek bagi adik Afizah.

Difahamkan, pasangan itu kini bertugas di kolej politeknik di Pulau Pinang.

Mereka dituduh menyediakan Pesanan Kerajaan bernombor P12000029 ke atas kontrak pembekalan alat ganti kelengkapan elektrik bernilai RM34,250.25 oleh syarikat RHA Sepakat Enterprise yang kepentingannya dimiliki Afilah Md Yusoff.

Kedua-dua tertuduh didakwa secara berasingan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Mahkamah kemudian menetapkan bon jaminan kelakuan baik RM5,000 mengikut Seksyen 294 Kanun Acara Jenayah untuk tempoh tiga tahun dengan seorang penjamin bagi Afizah, manakala suaminya dihukum penjara sehari dan denda RM171,251.25 atau penjara enam bulan jika gagal bayar denda.

BERITA HARIAN. 15/12/2016





# Bekas pegawai UiTM didakwa kemuka tuntutan palsu

**Butterworth:** Seorang bekas pegawai Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas dakwaan membuat tuntutan palsu RM2,500 pada Mei lalu.

Ariff Hashim, 46, yang berkhidmat sebagai Ketua Unit Sukan UiTM Pulau Pinang ketika kejadian, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sitarun Nisa Abdul Aziz.

Dia didakwa memperdayakan Pembantu Tadbir Kewangan Kanan UiTM Pulau Pinang dengan membuat pernyataan palsu berhubung kerja membuka dan memasang peralatan Gimnasium Perdana ke Bangunan Zamrud oleh Syarikat Terusan Abadi dengan jumlah RM2,500 di pejabat unit sukan kampus berkenaan.

**Dibenar ikat jamin RM8,000**

Ariff didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Sesyen 24 akta sama. Jika sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi.

Terdahulu, dia mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan kali pertama, namun menukar pengakuan kepada tidak bersalah selepas mahkamah berhenti rehat 30 minit. Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Ghazali Muhamad Nazri, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah membenarkan lelaki itu diikat jamin RM8,000 dan menetapkan 16 Januari ini untuk pengurusan kes serta lantikan peguam.

# PSST, WANT YOUR THESIS WRITTEN?



**Whether it's RM2,000 or RM8,000, desperate students seeking their master's and PhDs are willing to pay 'professional writers' to pen their thesis.**

>> REPORT: P6

"I have heard that some students are even placing notices at campuses requesting for the services of thesis writers... There are also those who offer their services by placing notices at the campuses. The institutions should immediately find out who these people are."



*Datuk Ong Tee Keat*
*Deputy Higher Education Minister*

THE SUN DAILY 9 MEI 2016

# 'Coursework cheating akin to graft'

> Such students may resort to worse acts of dishonesty in future, say academicians

BY **KAREN ARUKESAMY**
newsdesk@thesundaily.com




Flashback: Our report on May 4.

**PETALING JAYA:** Cheating in coursework or assignments is fraud, say academicians.

Whether a student is committing the offence or accepting the practice as a norm, academicians from various higher learning institutions generally agree that it is tantamount to a corrupt practice.

University lecturers believe that these students may resort to worse acts of dishonesty in future.

"This is the start of it. This is part of corruption – it is soliciting favours. It is the same thing (as bribing)," Utar Creative Industry Faculty Asst Prof Dr Sharon Wilson told *theSun*.

She was commenting on *theSun's* front page on May 4 where we reported on the trend of buying assignments, theses and even research papers, which seems to be on the rise among tertiary students.

"I think it should be made a criminal offence. At the end of the day, the country wants to produce individuals of integrity, but how do we achieve this if you are not nipping this practice in the bud?

"You are paying someone to do something, and money is being exchanged.

"Then we become a corrupt society. It is all about corruption," Wilson said.

She said the problem was more prevalent among postgraduate students who tended to pursue a programme just for paper qualifications.

She added it was not difficult to identify and spot students who cheated in their coursework or bought assignments as experienced lecturers would know based on the answers they provided and also on their mannerism and body language when they were questioned.

"Students are told about the importance of integrity and even if there is a whiff of plagiarism, they will be kicked out or will not graduate," she said.

She explained that postgraduates would get caught during the viva period when they were not able to maturely defend their work whereas for undergraduates, lecturers would be able to identify the trend by taking note of individual and group assignments.

In the initial stages, she said, the work would go through the plagiarism detecting software and students caught cheating might face disciplinary action like being brought to the institute's tribunal, be failed in the subject or expelled from the institution.

"There must be a mechanism to test the students on their work to ensure that it is their own, like having presentations," she added.

For postgraduates, she said, an ethics committee vetted the research proposed to ensure the topics and information gathering were done ethically.

Wilson urged lecturers not to be in denial of this trend but to be more vigilant when assessing students' work.

Universiti Malaya senior lecturer Dr Sridevi Sriniwass, who has 26 years of experience in teaching, described students resorting to buying assignments as "skilful cheats".

"They are totally dishonest and have no integrity. They have no interest in building knowledge and doing their work honestly. They have no respect for the institution and for others. They have done it before successfully and are skilful cheats.

"When they go to the workforce they will resort to worse acts of dishonesty," she told *theSun*.

Sridevi is of the view that students should submit their drafts and be graded periodically, which would show work in progress.

# Pensyarah IPT ditahan berkhalwat

Oleh YAP LEE YING
leeying.yap@kosmo.com.my



SUSPEK di luar Mahkamah Syariah di George Town semalam.

GEORGE TOWN – Seorang pensyarah wanita sebuah institut pengajian tinggi (IPT) di sini ditahan dipercayai berkhalwat dalam serbuan di sebuah pangsapuri di Jalan Bukit Gambir di sini awal pagi semalam.

Turut ditahan dalam serbuan pada pukul 1 pagi itu adalah seorang lelaki warga Indonesia, 26, yang mempunyai tiket penerbangan dua hala ke negara ini.

Ketika serbuan pegawai Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) terpaksa memecahkan pintu pangsapuri yang terletak di tingkat sembilan setelah ketukan selama 20 minit tidak membuahkan sebarang hasil.

Sejurus pintu dibuka, suspek, 46, yang merupakan isteri kepada seorang pegawai atasan perkhidmatan awam kelihatan berpakaian lengkap.

Hasil pemeriksaan turut mendapati, dua suspek berkenaan berada di bilik berlainan di dalam pangsapuri terbabit.

Difahamkan, ketika kejadian, suami suspek berada di luar negara atas urusan rasmi.

Mereka ditahan setelah gagal menunjukkan sijil perkahwinan dan dibawa ke Balai Polis Sungai Nibong untuk tindakan lanjut.

Kira-kira sembilan jam kemudian, dua suspek itu dibebaskan atas jaminan Mahkamah Syariah setelah proses mengambil keterangan selesai dijalankan. Mereka dijangka didakwa Isnin ini.

Ketua Unit Penguatkuasa JAIPP, Faizal Ibrahim mengesahkan penahanan tersebut tetapi enggan mengulas lanjut.

# Pensyarah miang

## Pelajar IPT bimbang gagal rela dicabul pakar motivasi terkenal

Oleh Shamsul Munir Safini
shamsulmunir@mediaprima.my
Arau

**FAKTA**
Pelajar buat laporan selepas selesai peperiksaan

# Pensyarah UTHM dituduh menipu



MOHD. Effendi Daud berjalan keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Johor Baharu, Johor, semalam – BERNAMA

JOHOR BAHRU 16 Okt. - Seorang pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam Alam Sekitar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan menipu seorang pengurus resort, pertengahan tahun lalu.

Mohd. Effendi Daud, 39, didakwa menipu Paridah Husin, 46, untuk mendorong mangsa menyerahkan wang tunai RM16,000 kepadanya melalui akaun CIMB Bank milik mangsa kira-kira pukul 3.30 petang, 29 Julai 2011 di UTHM, Batu Pahat, dekat sini.

Paridah didakwa menyerahkan wang berkenaan selepas mempercayai Mohd. Effendi akan mengadakan Majlis Penyampaian Sijil untuk para penuntut UTHM.

Dakwaan terhadap bapa kepada tiga anak itu dikemukakan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan sebatan serta boleh dikenakan denda.

Pegawai Pendakwa dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Noor Fazlin Hamdan mengendalikan pendakwaan manakala tertuduh diwakili peguam bela, Mohd. Razak Sharif.

Terdahulu, Noor Fazlin menawarkan ikat jamin RM20,000, namun Mohd. Razak memohon jumlah itu dikurangkan dengan alasan Mohd. Effendi menanggung seorang isteri dan tiga anak yang masih bersekolah.

Hakim Mohd. Haldar Abdul Aziz kemudian membenarkan tertuduh dibebaskan dengan ikat jamin RM10,000 berserta seorang penjamin dan menetapkan sebutan kes pada 19 November ini.


PENSYARAH UM
DIBURU
Lima individu diburu polis kerana disyaki terlibat aktiviti militan
3
MAHMUD AHMAD
MOHD NAJIB HUSEN
JEKNAL ADIL
MOHD AMIN BACO
MUHAMMAD JORAIMEE AWANG RAIMEE

Info

**Kajian sel barah hati**

→ **Penyelidikan:** kajian yang dijalankan membabitkan sel barah hati yang didapati mati apabila terdedah kepada sejenis kimia yang sedang diuji oleh kumpulan penyelidik UM.

→ **Dakwaan:** penyelidik UM dikatakan menggunakan empat imej yang sama bagi mewakili kira-kira 30 sel yang berada pada peringkat kematian yang berbeza. Tuduhan juga menyatakan penyelidik berkenaan menggunakan imej yang sama dalam penghasilan 3 kertas penyelidikan yang berbeza.

→ **Artikel** yang dikaitkan dengan dakwaan pemalsuan:

Januari 2016 - "Mechanism of Action of the Novel Nickel(II) Complex in Simultaneous Reactivation of the Apoptotic Signaling Networks Against Human Colon Cancer Cells" disiarkan dalam jurnal Frontiers in Pharmacology.

→ **Mac 2016** "Mechanism of action of novel piperazine containing a toxicant against human liver cancer cells" disiarkan dalam jurnal PeerJ. Retraction Watch.

→ **April 2016** "Novel piperazine core compound induces death in human liver cancer cells: possible pharmacological properties" disiarkan dalam Scientific Report.

[GAMBAR HIASAN]




*Pintu masuk utama* ke Universiti Malaya.

# Dakwaan palsu kajian disiasat

→ UM tubuh jawatankuasa siasat tuduhan palsu imej sel hati

**Oleh Basir Zahrom**
basir_zahrom@bh.com.my

Kuala Lumpur

Universiti Malaya (UM) akan menjalankan siasatan lanjut berkaitan dakwaan pemalsuan imej sel hati dalam penyelidikan barah hati yang dijalankan oleh penyelidik kanannya, termasuk menarik balik semua artikel berkaitan.

Tuduhan pemalsuan itu diterbitkan dalam blog saintifik yang disiarkan pada 13 Jun lalu berkaitan tiga kertas penyelidikan berasingan oleh penyelidik terbabit yang disiarkan dalam jurnal *Scientific Reports, PeerJ and Recent Patents on Anticancer Drug Discovery immediately*, tahun ini.

Naib Canselornya, Prof Tan Sri Mohd Amin Jalaludin, berkata Fakulti Perubatan UM sudah pun menubuhkan jawatankuasa yang menyiasat perkara itu yang dipengerusikan sendiri oleh dekan fakulti berkenaan.

"Jawatankuasa itu membuat kesimpulan bahawa terdapat pertindihan atau manipulasi hampir semua angka (imej dan graf) dalam laporan asal kertas saintifik berkenaan dan ia turut membabitkan tiga penulisan lain.

**Guna satu set data**

"Penemuan penyiasatan itu menunjukkan bahawa semua empat artikel yang disediakan menggunakan satu set data," katanya dalam satu kenyataan, semalam.



"Penulis dan juga penulis bersama bagi penyelidikan itu sudah disoal siasat oleh jawatankuasa siasatan yang ditubuhkan oleh UM"

***Mohd Amin Jalaludin,***
*Naib Canselor UM*

Dakwaan pemalsuan hasil penyelidikan itu tersebar di media sosial minggu lalu dan kemudiannya dilapor oleh media saintifik arus perdana.

Mohd Amin berkata, sebagai universiti penyelidikan, UM tidak membenarkan sebarang bentuk salah laku penyelidikan dan dakwaan penyelewengan dalam penyelidikan dipandang serius oleh pihak pengurusan universiti.

"Penulis dan juga penulis bersama bagi penyelidikan itu sudah disoal siasat oleh jawatankuasa siasatan yang ditubuhkan oleh UM.

"Laporan lengkap juga sudah dikemukakan kepada Jawatankuasa Integriti Penyelidikan dan Etika UM untuk perbincangan lanjut, termasuk sebarang tindakan disiplin yang sewajarnya akan diambil ke atas kumpulan penyelidik ini," katanya.

TELUS & TULUS
Sinar harian

# UPM tubuh jawatankuasa, siasat laporan salah guna kuasa pensyarah

3 Mei 2013

Jobs in Malaysia
Companies are Hiring Now Submit CV to Apply




KUALA LUMPUR - Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menubuhkan jawatankuasa siasatan awal bagi menyiasat dakwaan pelajar terhadap salah laku dan salah guna kuasa seorang pensyarah untuk tujuan politik.

Naib Canselornya Prof Dr Mohd Fauzi Ramlan dalam satu kenyataan hari ini berkata jawatankuasa tersebut terdiri daripada tiga profesor, seorang penasihat undang-undang dan Pejabat Pendaftar selaku sekretariat.

"Tujuan penubuhan jawatankuasa ini ialah untk melihat sama ada wujudnya 'prima facie' untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Semalam, akhbar melaporkan 15 penuntut pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Pendidikan UPM membuat laporan polis bagi meminta siasatan dibuat terhadap seorang pensyarah mereka yang didakwa menghasut para pelajarnya supaya membenci kerajaan.

Mohd Fauzi berkata selaras dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti pindaan 2012, pihak universiti perlu mengekalkan keneutralan dalam kampus. - Bernama

n

Khamis 28/5/2015

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

Gombak

# PEMBONCENG GRATIS

» Antara isu **integriti akademik sukar dibanteras** dalam kalangan penulis akademik

Amalan pembonceng gratis iaitu meletakkan nama sebagai penulis bersama dalam penghasilan karya akademik tanpa memberi sumbangan ketara ialah isu integriti akademik yang sukar dibanteras ketika ini.

Ketua Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod, berkata karya akademik yang mempunyai terlalu ramai penulis bersama menimbulkan keraguan terutama yang membabitkan kajian bidang sains sosial.

Katanya, selain melakukannya bagi tujuan mengejar pangkat, membalas budi penyelia dan membantu rakan, ada juga yang terpaksa melakukannya atas desakan individu berpengaruh dalam fakulti termasuk ketua jabatan atau fakulti.

Beliau yang juga Penasihat Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menegaskan, walaupun ada unsur rela daripada penulis utama, ia tetap dianggap sebagai amalan tidak beretika dan perlu ditangani sebaik mungkin bagi mengelak ia berleluasa.

## Penyelewengan maklumat

"Tidak dinafikan jenayah akademik yang hangat diperkatakan sebelum ini seperti plagiarisme, pelajar meniru dalam peperiksaan, penyelewengan maklumat dalam *Curriculum vitae* mahupun kelayakan ijazah doktor falsafah yang dibeli tetap wujud ketika ini.

"Namun, kewujudan teknologi seperti perisian yang dapat mengesan unsur ciplak serta pemantapan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) dalaman, berjaya mengesan dan mengurangkan kes seumpama itu. Isu pembonceng gratis sukar ditangani sehingga kini kerana tiada aduan, sukar dikesan dan dibuktikan," katanya.

V2

KURSUS INTEGRITI DIAMBIL KIRA DALAM iCGPA PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)

# Kementerian setuju, pelajar IPT bantah

Kementerian Pendidikan Tinggi bersetuju cadangan SPRM masukkan integriti, pencegahan rasuah sebagai elemen subjek elektif tahun akhir, tetapi wakil pelajar bantah, anggap ia tambah beban → **Ms.5**



# Bekas Naib Canselor UPSI didakwa salah guna kuasa




BEKAS Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Zakaria Kasa dituduh salah guna kuasa empat tahun lalu dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Ipoh hari ini. - UTUSAN ONLINE

IPOH 27 Nov. - Bekas Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dua pertuduhan salah guna kuasa meluluskan lantikan jawatan kontrak anak lelaki dan menantunya di universiti berkenaan empat tahun lalu.

Tertuduh, Prof. Datuk Dr. Zakaria Kasa, yang memakai baju lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim S. Indra Nehru.

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

# LAPORAN KES TATATERTIB BAGI TAHUN 2014-2018

# JENIS KESALAHAN PEGAWAI AKADEMIK BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018

| JENIS KESALAHAN | TINDAKAN | | |
|---|---|---|---|
| | Aduan | Amaran | Tatatertib |
| Meniru tandatangan | ✓ | | ✓ |
| Cuai<br>Menggunakan kod projek penyelidikan yang sama<br>Kecuaian pengurusan wang bagi program pelajar | ✓ | | ✓<br>✓ |
| Salah Guna Kedudukan Rasmi Untuk Kepentingan Peribadi | ✓ | | |
| Plagiat | ✓ | | ✓ |
| Memalsukan Sijil Cuti Sakit | ✓ | | |
| Ingkar Perintah (salah guna kuasa) | ✓ | | ✓ |
| Mengeluarkan pernyataan umum berunsur hinaan dalam laman sosial "*Facebook*"<br>Mengeluarkan pernyataan atau komen dalam media sosial lain yang boleh dianggap menjejaskan imej dan nama baik UPM | ✓<br>✓ | ✓ | |
| Mengeluarkan kata-kata kesat kepada pelajar "*racist*" | ✓ | | ✓ |
| Penggunaan bahasa kasar dan memalukan pelajar | ✓ | ✓ | |
| Penyelewengan dalam pengurusan dan penyalahgunaan dana penyelidikan universiti | ✓ | | ✓ |
| Berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemar nama UPM | ✓ | | |
| Proses pembelian barang daripada syarikat yang mempunyai kepentingan | ✓ | | |
| Gangguan Seksual terhadap pelajar / staf / orang awam | ✓ | | |
| Salah guna kuasa terhadap sewaan kenderaan/ pemilikan kenderaan | ✓ | | |
| Mengenakan tekanan kepada pelajar seliaan PhD | √ | | |

# Ramai mahasiswa anggap terima hadiah bukan rasuah

28.1 peratus responden anggap tak salah ambil barangan pejabat untuk kegunaan peribadi

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kajian Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) mendapati, kebanyakan mahasiswa menganggap menerima hadiah dalam bentuk wang, barangan atau perkhidmatan sebagai balasan atas khidmat yang diberikan, bukan satu kesalahan rasuah.

Kegagalan memahami rasuah itu diperoleh menerusi Kajian Persepsi Mahasiswa Mengenai Rasuah yang dijalankan INTEGRITI dalam kalangan mahasiswa beberapa universiti tempatan, baru-baru ini.

Kajian membabitkan 402 mahasiswa itu, mendapati 35.8 peratus responden menyifatkan perbuatan menerima hadiah sebagai balasan bukan satu kesalahan rasuah.

Dapatan kajian juga mendapati 20.6 peratus responden beranggapan untuk 'terbabit secara langsung dalam proses pelantikan ahli keluarga bagi mengisi jawatan kosong di jabatan' sebagai perbuatan yang dibolehkan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff, berkata 28.1 peratus responden pula beranggapan bahawa tidak menjadi kesalahan untuk mengambil harta atau barangan pejabat seperti pemacu pena, 'toner', kertas dan lain-lain untuk kegunaan peribadi.

## Tuntutan tugasan luar

Beliau berkata, 37.3 peratus pula beranggapan bahawa mengemukakan tuntutan bagi tugas luar walaupun penginapan disediakan penganjur adalah perbuatan yang tidak salah.

Katanya, jika penemuan hasil kajian itu dijadikan kayu ukur, pihak berkepentingan perlu menyemak semula nilai yang dididik dan disemai dalam kalangan mahasiswa yang mungkin bermula sejak sekolah rendah.

"Kita khuatir kalau mahasiswa yang mempunyai pandangan seperti yang dijelaskan diatas terpengaruh dengan 'role model' yang salah.

"Mereka yang kelihatan seperti orang berjaya dalam kehidupan tetapi sebenarnya mendapat kejayaan dan kekayaan melalui jalan salah tidak sepatutnya dijadikan idola," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kajian itu bertujuan memahami persepsi serta kefahaman mahasiswa masa kini mengenai rasuah di negara ini.

Daripada jumlah responden, 33.1 peratus adalah mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Sains Malaysia (47.5 peratus) dan Universiti Teknologi MARA (15.9 peratus), manakala bakinya iaitu 3.5 peratus dari universiti lain.

## Harapan masa hadapan

Anis Yusal berkata, dapatan kajian itu mencetuskan kebimbangan kerana mahasiswa akan memasuki alam pekerjaan dan menjadi pemimpin di tempat kerja dan dalam komuniti masing-masing.

"Generasi muda seperti mereka adalah harapan masa hadapan negara, bahkan merekalah yang kelak menjadi tenaga penggerak dan pemimpin Transformasi Nasional 2050.

"Apakah harapan kita jika sebahagian daripada mereka terang-terangan menyatakan bahawa tidak menjadi kesalahan kepada banyak perkara yang umum faham sebagai rasuah.

"Lebih membimbangkan apabila kita merumuskan bahawa pengetahuan mereka mengenai rasuah juga masih bermasalah," katanya sambil menekankan pendidikan membentuk nilai murni perlu bermula di rumah.

Menurutnya, INTEGRITI sentiasa mengadakan penelitian mendalam melalui perbincangan meja bulat, terutama bersama kumpulan fokus dan pakar serta kajian pendapat dan persepsi masyarakat bagi memahami persepsi dan kefahaman masyarakat mengenai isu yang berkaitan dengan integriti.

Beliau berkata, guru, pemimpin masyarakat dan ahli politik juga bertanggungjawab dalam membentuk integriti generasi masa kini dan hadapan.

"Kita perlukan satu ekosistem yang telus dan berintegriti untuk menyokong semua usaha kita ini terutama dalam usaha melaksanakan transformasi nasional 2050," katanya.

# HADIAH *boleh menjadi* RASUAH

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



# PRINSIP TIADA HADIAH DAN KERAIAN

**UPM komited dalam mengamalkan nilai-nilai murni dan mendokong 4 nilai utama iaitu kecemerlangan, kepelbagaian, kelestarian dan INTEGRITI. Oleh itu UPM melaksanakan Prinsip Tiada Hadiah dan Keraian.**

**Terima kasih kerana menyokong prinsip ini.**

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

UNIT INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSELOR

# HADIAH YANG BOLEH DITERIMA OLEH PENJAWAT AWAM

- **a** — Hadiah daripada orang yang tiada kaitan dengan tugas rasmi. Nilai hadiah mesti KURANG daripada ¼ gaji atau RM500.00.
- **b** — Hadiah daripada rakan sekerja sempena persaraan, pertukaran, pertunangan dan perkahwinan.
- **c** — Hadiah daripada suami, isteri, ibu, bapa, mertua, anak dan adik-beradik.
- **d** — Hadiah daripada saudara-mara atau rakan-rakan sempena pertunangan, hari jadi, perkahwinan atau majlis berkaitan agama dan adat resam.
- **e** — Hadiah berbentuk lencana, pen, *plaque* atau cenderamata.
- **f** — Hadiah dalam bentuk barang-barang mudah rosak seperti sayur dan buah-buahan

# HADIAH vs RASUAH?

- **Hadiah menjadi rasuah apabila...?**
  - ❖ Pemberi dan penerima hadiah mempunyai hubungan rasmi
  - ❖ Pemberian hadiah akan mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh si penerima
  - ❖ Nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah diberi

- **Peringatan kepada penjawat awam:** Jangan sesekali menerima hadiah/barang bernilai daripada kontraktor/pembekal yang berurusan rasmi dengan anda.

# RASUAH?

Penerimaan atau pemberian **suapan** (rasuah) bertujuan supaya seseorang itu melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.


BENTUK RASUAH
Wang
Upah
Hadiah
KENAIKAN PANGKAT
Jawatan
Bonus
50% DISKAUN
Diskaun
Perkhidmatan


Meminta/
Menerima
Rasuah
1
Menawar/
Memberi
Rasuah
2
AKTA
SURUHANJAYA
PENCEGAHAN
RASUAH
MALAYSIA 2009
3
Membuat
Tuntutan
Palsu
4
Menggunakan
Kedudukan/
Jawatan Untuk
Suapan

# Rasuah (Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009)



- Seksyen 16 (a) – Meminta, menerima atau bersetuju untuk menerima suapan.
- Seksyen 16 (b)- Memberikan,menjanjikan atau menawarkan suapan
- Seksyen 17 (a)- Menyetuju terima, memperoleh, bersetuju untuk menyetuju terima atau cuba untuk memperoleh oleh ejen
- Seksen 17 (b)- Memberikan, bersetuju untuk memberikan atau menawarkan suapan kepada ejen
- Seksyen 18-Memperdayakan prinsipal dengan pemberian/penggunaan dokumen yang mengandungi pernyataan palsu/silap/tidak lengkap;
- Seksyen 23-Kesalahan menggunakan jawatan utk tujuan suapan

| RASUAH | VS | INTEGRITI |
|---|---|---|
| AMBIL | A | AMANAH |
| BERI | B | BERTANGGUNGJAWAB |
| CLAIM | C | CEKAP |
| DIRI | D | DEDIKASI |
| | E | EFEKTIF |

# 1 | Meminta/ Menerima Rasuah



Mana-mana orang **meminta/menerima** suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.



**Guru besar dipenjara kerana meminta rasuah daripada pengusaha kantin**

Seorang guru besar dihukum penjara tiga tahun dan didenda RM30,000 kerana rasuah.

Beliau didapati menerima rasuah RM3,000 daripada seorang pengusaha kantin bertujuan **menyambung kontrak**

## Pensyarah terima rasuah, beri diploma

Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman penjara 2 bulan dan denda RM10,000 ke atas seorang bekas pensyarah Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMU) setelah mengaku bersalah atas pertuduhan rasuah.

Tertuduh didakwa memperoleh RM1,500 (melalui akaunnya) daripada seorang pelajar sebagai balasan untuk **memberi diploma kulinari** tanpa pelajar itu perlu menghadiri kuliah dan menduduki peperiksaan.

Kesalahan didakwa dilakukan pada 13 Julai tahun 2012.




**Pensyarah Matematik terima rasuah, tambah markah**

Mahkamah Khas Rasuah Ipoh menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM25,000 terhadap seorang Pensyarah Matematik, Institut Teknologi Perak (ITP), selepas didapati bersalah atas 5 pertuduhan rasuah.

Beliau didapati bersalah menerima sogokan sebanyak **RM690** keseluruhannya untuk **menaikkan markah dua pelajarnya** bagi subjek Matematik dan Statistik pada tahun 2011 dan 2012.

# 2 | Menawar/ Memberi Rasuah



Mana-mana orang **menawar/ memberi** rasuah kepada seorang ejen/pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan sesuatu perkara berkaitan tugasan rasmi pegawai awam tersebut.

## Kontraktor beri rasuah dipenjara 3 bulan

IPOH 19 Ogos - Seorang kontraktor binaan dihukum penjara tiga bulan dan denda RM15,000 (atau penjara lima bulan) kerana rasuah.

Beliau didakwa memberi rasuah RM3,000 kepada penguatkuasa Pejabat Tanah dan Galian Ipoh agar tidak mengambil tindakan ke atas syarikat miliknya yang mengeluarkan bahan batu tanpa permit.



# 3 | Tuntutan Palsu



Mana-mana orang menggunakan/ mengemukakan dokumen tuntutan yang mempunyai butiran palsu dengan niat untuk memperdayakan pejabatnya.

## CONTOH KESALAHAN

**Contoh 1:**

Tuntutan bayaran penuh, padahal barang tidak cukup bilangan atau tidak ikut spesifikasi/kerja belum siap.

**Contoh 2:**

Menuntut bayaran bagi barang yang belum lagi dihantar.

# SIAPA TERLIBAT?

**Dekan dihukum penjara**

- Dekan universiti memperakukan pembekalan peralatan Multi Joint 2 AP berharga RM138,600.
- Padahal, peralatan sebenar yang dihantar adalah Multi Hip yang hanya berharga RM27,965.
- Dihukum penjara setahun dan didenda RM10,000.

## Dekan didakwa tuntut elaun perjalanan palsu

GEORGETOWN, 18 Julai 2013 - Seorang bekas Dekan USM didakwa atas tiga tuduhan mengemukakan **tuntutan perjalanan palsu** melibatkan wang RM1,242.

Beliau didakwa menuntut elaun perjalanan sedangkan tertuduh telah menggunakan kenderaan rasmi jabatan.

Tuntutan dibuat bagi perjalanan menggunakan kenderaan sendiri jenis Mercedes Benz, sedangkan beliau menaiki kenderaan jabatan iaitu Proton Perdana.

# 4 | Salah guna kedudukan oleh penjawat awam



Pegawai badan awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

## CONTOH KESALAHAN



**Contoh 1:**

Ketua jabatan meluluskan projek kepada syarikat anaknya.

**Contoh 2:**

Pengarah projek terlibat membuat keputusan pemilihan tender kepada syarikat yang dimiliki oleh adiknya.

# Pensyarah suami isteri bersalah salah guna kedudukan

9 Januari 2017 - Sepasang suami isteri yang bertugas sebagai pensyarah di Kolej Komuniti Padang Terap didapati bersalah kerana kesalahan salah guna kedudukan.

Si isteri telah **MENYEDIAKAN** Pesanan Kerajaan bagi **pembekalan alat-alat ganti kelengkapan elektrik** yang bernilai RM34,250.25 oleh syarikat milik adiknya.

Suaminya pula telah menyalah guna kedudukannya apabila **MEMPERAKUI** Pesanan Kerajaan tersebut.

Hukuman kepada suami - penjara 1 hari dan denda RM170,251.25.

Hukman kepada isteri - berkelakuan baik selama tiga tahun dengan seorang penjamin.

## Guru Besar pilih syarikat sendiri



Bekas guru besar dihukum penjara dua tahun dan denda RM148,500 oleh mahkamah atas lima pertuduhan salah guna kuasa.

Sebagai guru besar, beliau telah menggunakan kedudukannya untuk memilih syarikat ABC yang sebenarnya **milik adiknya** untuk membekalkan pakaian seragam Pengakap, Persatuan Bulan Sabit dan Tunas Kadet Remaja Sekolah bernilai RM32,400 sekitar tahun 2008 dan 2009 .

# Adakah Budaya Kerja Kita sebegini?



# LARANGAN STAF DAN PELAJAR MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM AKTIVITI POLITIK DAN PILIHAN RAYA UMUM

Peraturan 20 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
Seksyen 15 Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) 1971

## ADALAH MENJADI KESALAHAN

1. Memakai Lambang Parti Politik
2. Mengedar Risalah Parti Politik
3. Berkempen bagi Pihak Parti Politik
4. Memegang Jawatan dalam Parti Politik
*(kecuali Kumpulan Pelaksana dengan kebenaran Lembaga)*

pnc_integriti@upm.edu.my
UNIT INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSELOR

SOARING UPWARDS

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

# LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM

**Peraturan 18 (1) dan Peraturan 18(2) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)**

**Kaedah 17 Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2014**

## "Sila Berhemah di Media Sosial"

**SEMUA STAF ATAU PELAJAR UPM DILARANG / DITEGAH:**

01 Membuat apa-apa pernyataan awam atau ulasan termasuk dengan menggunakan media sosial yang boleh memudaratkan, menyatakan perkara-perkara atau maklumat yang diklasifikasikan sebagai **SULIT** atau memalukan atau memburukkan nama baik dan reputasi kerajaan / universiti / staf / pelajar lain.

02 Mana-mana staf atau pelajar yang melanggar peruntukan ini boleh diambil tindakan tatatertib.

pnc_integriti@upm.edu.my
UNIT INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSELOR

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

# MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN

Peraturan 4, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

## Contoh

**1. Berniaga Online**



**2. Berniaga Secara Sambilan**



**3. Pemandu Teksi Sambilan**




**4. Berniaga Kuih Raya**




**Dibenarkan :**
**Setelah mendapat kebenaran bertulis daripada KETUA JABATAN**

**Dengan Syarat :**

1. Tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa dikehendaki melaksanakan tugas rasmi
2. Tidak menjejaskan kebergunaan sebagai seorang pegawai Badan Berkanun
3. Tidak bercanggah dengan kepentingan Badan Berkanun

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

UNIT INTEGRITI PEJABAT NAIB CANSELOR

Kes ketirisan integriti  di UPM

-Gangguan seksual
-Palagiat
-Salahguna kuasa
-Meniru tandatangan pelajar
-Mengambil wang pelajar
-Politik
-Palsukan sijil ph.D
-Tuntutan Palsu
-Tidak hadir bertugas
-Ingkar perintah
-Salahguna kuasa kepentingan peribadi


M VALLEY
MOHD:BASAR B.MUHAMMAD
(GURU BESAR)

# Jumlah Orang yang kita nak kena jaga **Integritinya**





**JUMLAH**
**5716**

**Kampus Serdang**
**5444**

**Kampus Bintulu**
**272**

Data sehingga 9/1/2018


"The only thing necessary for the triumph of evil is for good people to do nothing"
President Abraham Lincoln

Laporkan RASUAH

Laporkan SALAH LAKU

# *Melaporkan Rasuah:*
# Apa yang penting?

- Tarikh, masa dan tempat kejadian;
- Identiti pemberi, penerima dan orang tengah (jika ada);
- Apa yang berlaku dan siapa yang terlibat dalam kejadian;
- Saksi - saksi yang mengetahui atau melihat kejadian; dan
- Dokumen-dokumen yang berkaitan.

| | |
|---|---|
| UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA | **SOKONGAN**<br>**PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**<br><br>**PEJABAT PENDAFTAR**<br>Kod Dokumen: SOK/BUM/BR03/AKUAN 02 |
| | **PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PENJAWAT AWAM BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972** |

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu benda rahsia atau apa-apa tingkahlaku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Tandatangan : ..............................................................

Nama dengan huruf besar : ..............................................................

No. Kad Pengenalan : ..............................................................

Jawatan : ..............................................................

Jabatan : ..............................................................

Tarikh : ..............................................................

MY INTEGRITI

SIRI 6/2012

*Informasi Integriti Secara Maya*

# RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN !!






## MEMBOCOR MAKLUMAT TERPERINGKAT DAN RAHSIA KERAJAAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB KERANA TIDAK AMANAH DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

Peraturan 4(2)(f) dan 4(2)(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

# DEFINISI : RAHSIA RASMI

- Apa-apa **suratan** yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai **'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad',** mengikut mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B.

# MEMBAWA DOKUMEN TERPERINGKAT KELUAR PEJABAT

- **Tidak dibenarkan sekali-kali, kecuali untuk urusan rasmi kerajaan pada waktu pejabat.**
- **Dokumen Rahsia Besar / Rahsia tidak sekali-kali boleh dibawa balik ke rumah, melainkan atas sebab-sebab yg terkecuali- dgn mendapat kebenaran bertulis KSU Kementerian atau SUK**
- **Mendapat kebenaran bertulis Ketua Jabatan terlebih dahulu.**


RAHSIA
BESAR
No.
PERATURAN KEGUNAAN FAIL INI
RAHSIA
BESAR

RAHSIA

**PERATURAN KEGUNAAN FAIL INI**

1. [illegible]

2. [illegible]

3. [illegible]

4. [illegible]

5. [illegible]

RAHSIA



SULIT

**PERKARA—Hendaklah ditulis di muka sebelah dalam**

SULIT


TERHAD

PERKARA

TERHAD

# Larangan buat kenyataan turut liputi media sosial

**Kuala Lumpur:** Penjawat awam boleh dikenakan tindakan tegas termasuk dibuang kerja sekiranya didapati menyalahgunakan media sosial termasuk membocorkan maklumat sulit kerajaan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari, berkata penjawat awam secara umumnya terikat dengan peraturan yang digariskan di bawah Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Katanya, ia termasuk melarang penjawat awam daripada membuat sebarang pernyataan awam di semua media termasuk media sosial.


*Jailani Johari*

### Tindakan tatatertib

"Jika sabit kesalahan di bawah peraturan ini, penjawat awam boleh dikenakan tindakan tatatertib membawa kepada buang kerja," katanya kepada *BH* ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas rencana muka sepuluh tulisan Felo Penyelidik Kanan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Dr Abdul Gapar Abu Bakar semalam bahawa wujud 'wartawan jadian' dalam kalangan 1.59 juta penjawat awam yang bertindak pantas tanpa berfikiran waras untuk menyampaikan perkara yang dibincangkan dalam perkhidmatan kepada khalayak sebagai berita sensasi yang mudah menjadi viral.

Menurut Abdul Gapar, kira-kira 60 peratus anggota perkhidmatan awam adalah pegawai yang lahir dalam julat 1980-an hingga 2000, dikenali juga sebagai Generasi Y, manakala selebihnya Generasi X dan 'Baby Boomers'.

Jailani berkata, selain penjawat awam, mana-mana individu yang menyalahgunakan media sosial dengan menghantar apa-apa komen atau komunikasi yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik boleh diambil tindakan di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Katanya, jika sabit kesalahan di mahkamah, boleh didenda sehingga RM 50,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya.



corruption
55 sec

[redacted]


Curang
Inspirasi Kebaikan

"I look for three things in hiring people. The first is personal INTEGRITY, the second is intelligence and the third is a high energy level. But, if you don't have the first, the other two will kill you."

Sumber: **The Speed Of Trust, 2006**



**Warren Buffett**
**Chief Executive Officer**
**Berkshire Hathaway**

**"You lose your MONEY, you lose NOTHING.**

**You lose your HEALTH**

**then you lose SOMETHING**

**But if you lose your INTEGRITY**

**You lose EVERYTHING**

**You lose it once you will lose it FOREVER"**

[redacted]

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

# Terima Kasih

Unit Integriti
Pejabat Naib Canselor
Tingkat 4 Bangunan Pentadbiran
43400 UPM Serdang Selangor
03 8947 2011/ 2017
**pnc_integriti@upm.edu.my**

